

# SIFE UMS terap nilai keusahawan bertaraf dunia

UB 01-08-2012 B3

**B**ERPEGANG kepada matlamat utama untuk membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup komuniti menerusi pendekatan keusahawanan, 'Students In Free Enterprise', Universiti Malaysia Sabah (SIFE UMS) giat melaksanakan projek komuniti di negeri ini.

Secara globalnya, SIFE adalah organisasi bukan berbasarkan keuntungan bertaraf dunia yang beroperasi di lebih 39 buah negara seluruh dunia.

Ahli-ahli SIFE terdiri daripada pelajar-pelajar universiti yang mewakili pasukan SIFE di universiti masing-masing.

Penglibatan SIFE UMS dalam pertandingan berprestij bermula sejak 2005 dan dinobatkan sebagai juara kebangsaan buat pertama kalinya pada 2009.

Ia sekali menggalakkan pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang juga juara enam tahun berturut-turut dalam pertandingan yang melibatkan pelaksanaan projek komuniti.

Ketika meraih kejayaan itu, SIFE UMS berjaya mencuri perhatian juri dengan menampilkan projek 'Turkish Farm', 'Homestay Kipouvo', 'Wow! Conner, Organic & Vermi Composting', 'Iranun Waving', dan 'Green It'.

Menerusi projek-projek terbabit, SIFE UMS berjaya memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan sumber pendapatan dari kalangan penduduk luar bandar.

Selain itu, menerusi projek 'Green It', SIFE UMS berjaya mengubah cara pemikiran dan sikap warga kampusnya mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Projek yang dijalankan oleh pasukan SIFE UMS itu menjadi lebih menarik dengan penglibatan bukan sahaja mahasiswa tempatan, tetapi juga mahasiswa antarabangsa.

Kejayaan ini turut membawa SIFE UMS mewakili Malaysia ke pertandingan Piala Dunia SIFE di Berlin, Jerman.

Walaupun hanya mampu mara ke peringkat suku akhir, SIFE UMS tetap bangga kerana masih mampu menewaskan juara-juara SIFE dari beberapa negara lain di peringkat antarabangsa.

Berbekalkan pengalaman itu, pada 2010, SIFE UMS terus melangkah yakin dengan mempertandingkan projek 'Borneo Coco' fasa pertama dengan membantu seorang peniaga di salah satu gerai di Jalan Sulaman.

Peniaga gerai itu diajar mengenai teknik asas keusahawanan yang mudah seperti mengira keuntungan mahupun kerugian dan membantu mereka membersih dan menghias gerai agar nampak ceria.

Tidak cukup dengan itu, SIFE UMS turut memasarkan produk peniaga di Tamu Jalan Gaya, Kota Kinabalu yang membawa peningkatan terhadap hasil pendapatan peniaga berkenaan.

Pada 2011, mereka terus

menjadikan peniaga di gerai Jalan Sulaman sebagai kumpulan sasaran dan kali ini, semua peniaga di kawasan itu terlibat dengan projek fasa kedua.

SIFE UMS melancarkan Kempen 3K iaitu Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan pada setiap gerai di Jalan Sulaman dan para peniaga diajar mengenai aspek keselamatan seperti kepentingan alat pemadam api dan juga cara penggunaannya.

Pada masa sama, SIFE UMS juga melancarkan kempen 'Yes, I can speak and count too' yang mana peniaga diajar atas matematik, konsep untung dan rugi serta penggunaan Bahasa Inggeris Komunikasi.

Ia bagi mendidik mereka mengendalikan perniagaan mereka dengan teknik yang betul serta cara berkomunikasi dengan pelancong asing.

Menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Sabah, SIFE UMS turut mengambil langkah yang lebih proaktif bagi mempromosikan perniagaan komuniti di Jalan Sulaman.

Walaupun persembahan yang ditunjukkan begitu mantap, namun pasukan SIFE UMS hanya mampu meraih gelaran naib johor di peringkat kebangsaan pada 2010 dan 2011.

Pantang berundur sebelum berjuang, pada tahun ini, SIFE UMS sekali lagi mengulangi kejayaannya pada 2009 apabila berjaya mengungguli Kejohanan SIFE Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 15-17 Julai baru-baru ini.

Kejayaan ini sekali menggalakkan SIFE UMS untuk menyatakan diri sebagai wakil Malaysia pada Piala Dunia SIFE yang berlangsung di Washington Amerika Syarikat pada 30 September hingga 2 Oktober depan.

Terdahulu, pasukan SIFE UMS yang diwakili oleh 13 orang pelajar berjaya mengatasi pasukan The University of Nottingham Malaysia Campus dan bekas juara bertahan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat separuh akhir.

Tampil dengan penuh keyakinan, projek-projek komuniti yang dibentangkan oleh SIFE UMS nyata menarik dan berjaya memikat hati para juri.

Antara projek yang dibentangkan termasuk usaha membantu komuniti di Kepulauan Mantanani dalam menjana pendapatan dan mengurangkan sisa buangan di kepulauan itu.

Melihat kepada masalah itu, SIFE UMS sekali lagi mencipta peluang untuk penduduk tempatan dengan pendedahan tentang cara mesra alam yang baru.

Pada pertengahan Mei lepas, pasukan SIFE UMS pergi ke Pulau Mantanani untuk memberikan ilmu tentang pembuatan 'eco-purse' kepada penduduk pulau itu terutamanya kepada golongan sururumah, ibu tunggal dan kanak-kanak.



BAHAN yang boleh dikitar semula digunakan untuk projek menjahit 'eco-purse'.



ECO-PURSE yang berjaya dihasilkan oleh penduduk di pulau itu unik dan menarik.

'Eco-purse' diperbuat daripada pembungkus plastik dan ia bukan sahaja mampu mengurangkan masalah sampah yang ada di pulau itu malah mereka dapat menjana pendapatan sampingan untuk keluarga mereka.

Selain daripada projek 'eco-purse', SIFE UMS menampilkan projek bio-tenaga yang telah dilaksanakan di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan bimbingan Jabatan Kemajuan Hainan dan Ternak Sabah.

Melalui keputusan kajian yang dijalankan di kawasan itu, SIFE UMS mendapati masalah utama yang dihadapi oleh 115 buah keluarga di kampung itu adalah ketiadaan bekalan elektrik.

Prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh komuniti di Kampung Maridi, SIFE UMS menggunakan sepenuhnya bahan buangan semulajadi iaitu najis lembu, bagi menjana tenaga untuk menyala lampu dan gas memasak.

Pelaksanaan projek Bio Energy oleh SIFE UMS tahun 2012 ini diharap mampu untuk membawa perubahan dan meningkatkan kualiti dan taraf hidup khususnya komuniti di Kampung Maridi, Ulu Sugut dan seterusnya dapat digunakan di seluruh negara.

SIFE UMS akan terus memainkan peranan penting dalam usaha mengadakan projek-projek jangkaan komuniti bagi membantu masyarakat yang memerlukan.

Bukan hanya untuk pertandingan semata-mata, tetapi di sudut tujuan utamanya, SIFE UMS sebenarnya mengajar para pelajar untuk mengembangkan potensi keusahawanan mereka.

Selain itu, ia turut meningkatkan kemahiran komunikasi dan tanggungjawab membantu masyarakat yang kekurangan sekaligus menjana keyakinan diri untuk berdepan dengan dunia globalisasi.



AHLI pasukan SIFE UMS membantu menyediakan tanki Bio Digester.



KEGEMBIRAAN dikongsikan bersama selepas dinobatkan sebagai juara.